

16/02/1998

Pasukan berkuda PDRM ada kelebihan

Fazallah Pit

DUA kuda jenis Thoroughbred yang dihadiahkan bekas Presiden Pakistan, Zia Ul-Haq kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1984, membuka lembaran baru dalam sejarah Polis Diraja Malaysia (PDRM) apabila ia mencetuskan idea penubuhan Unit Berkuda PDRM.

Kedua-dua kuda itu diserahkan kepada PDRM yang kemudiannya membeli enam kuda lagi dari Pakistan sebagai persiapan awal penubuhan unit itu.

Sarjan Mejar Pentadbirannya, Shuhaimi Shamsuddin, berkata sehingga kini seekor daripadanya masih hidup dan menjadikan jumlah keseluruhan kuda Unit Berkuda PDRM ialah 36 ekor.

Kuda daripada pelbagai jenis itu dibeli dari negara luar seperti Sepanyol, New Zealand, Australia, Argentina dan sekitar Eropah, tetapi kuda dari Eropah kurang sesuai bagi aktiviti lasak kerana ia menghadapi masalah penyesuaian iklim di negara ini.

Bagaimanapun, keadaan itu tidak menjejaskan kelancaran tugas unit itu kerana unit ini jarang terbabit dengan aktiviti lasak.

"Tugasan mencabar seperti mengawasi rusuhan jarang dilakukan oleh unit itu kerana sehingga kini negara tidak mengalami sebarang masalah rusuhan yang besar atau mengancam keselamatan," katanya.

Antara jenis kuda yang dimiliki unit itu ialah Appaloosa, Shetland, Australian Pony, Palomino, Thoroughbred, Carelio dan Arabian yang dibeli dari negara terbabit.

Umumnya tugas unit itu terbahagi kepada enam bahagian utama iaitu kawalan perhimpunan, kawalan orang ramai, rondaan cegah jenayah, rondaan sempadan, rondaan trafik dan acara adat istiadat.

Pakaian seragam Unit Berkuda ini berbeza mengikut klasifikasi tugas iaitu peronda cegah jenayah berpakaian biru dan bertopi keledar; kawalan orang ramai (biru, topi dan berjaket); pelaksanaan istiadat (seragam putih dan bertopi) dan peronda sempadan (seragam hijau).

Ditanya mengenai kelebihan anggota unit berkuda berbanding unit biasa, Shuhaimi berkata kekuatan seorang anggota berkuda menyamai kekuatan 10 anggota biasa.

"Misalnya, seorang anggota berkuda yang mengejar dan mengepung penjenayah akan lebih berjaya berbanding unit biasa kerana kuda bebas, cekap dan pantas berbanding kemampuan manusia," katanya.

Menurutnya, penggunaan kuda dalam operasi harian dikatakan banyak memberi kelebihan kerana penunggang menggunakan tenaga yang minimum untuk melakukan pergerakan secara maksimum.

"Seseorang anggota hanya menggunakan dua batang jari saja untuk mengarahkan kuda membuat pelbagai aksi seperti membelok, memecut dan sebagainya berbanding tugas anggota polis biasa," katanya.

Ketangkasan unit berkuda terbukti berkesan terutamanya ketika bertugas di kawasan paya, hutan, lereng bukit dan sungai yang sukar dilalui oleh kenderaan.

Kelebihan ini digunakan bagi mengawal sempadan di Bukit Kayu Hitam di Kedah dan Chuping, Perlis untuk mengesan penyeludup yang melarikan diri melalui kawasan yang sukar diawasi oleh kenderaan.

"Biasanya, penyeludup melarikan diri ke ladang tebu bagi mengelakkan tertangkap dan kenderaan biasa sukar melalui kawasan berkenaan dan tugas itu sesuai dijalankan oleh Unit Berkuda," katanya.

Unit itu juga mendapat kerjasama dengan unit lain seperti Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU), Pasukan Gerak Am (PGA), Unit Pencegah

Penyeludup (UPP) dan Skuadron Perisai untuk meningkatkan keberkesanan operasi.

Shuhaimi berkata, setiap anggota unit diwajibkan menjalani Kursus Asas Menunggang Kuda selama 22 minggu di Cheras untuk melengkapkan kemahiran.

Anggota didedahkan dengan tabiat, kesihatan, pemakanan dan mengawal kuda sebagai langkah pengendalian kuda yang berkesan.

Selain itu mereka juga perlu mempunyai pengetahuan dalam aspek penjagaan kuda.

Shuhaimi berkata, tabiat kuda berbeza mengikut spesis dan cara mengawal serta menjaganya juga berbeza.

"Perbezaan tabiat dan pemakanannya juga mempengaruhi kebolehnya dalam menjalankan tugas," katanya.

Anggota unit juga menjalani kursus luar negara untuk meningkatkan pengetahuan mengenai pengendalian kuda. Antaranya ialah kursus pengendalian kuda di Oman, Arab selama tiga bulan dan Kursus Equitation Officer Course di London selama dua bulan.

Anggota unit perlu membuat grooming iaitu membersihkan badan kuda dan menyisir bulu kuda supaya bersih selain melatih kuda berkenaan. Kuda yang cedera atau sakit akan dihantar ke klinik haiwan di Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk dirawat," katanya.

Dalam jangka masa panjang, unit itu akan diperluaskan dari segi keanggotaan dan peranannya. Berdasarkan beberapa pelan perancangan seperti penubuhan Bandar Dalam Taman di Putrajaya kelak, pengaplikasian kuda akan dipertingkatkan bagi menjalankan pelbagai tanggungjawab termasuk sebagai peronda.

Selain itu antara masalah yang sering dihadapi oleh unit itu ialah persepsi umum dan penerimaan masyarakat terhadap kuda.

"Masyarakat menganggap kuda adalah haiwan yang menakutkan dan menjijikkan sedangkan di negara luar terutama di Britain, haiwan ini menjadi kesayangan," katanya.

Unit itu kerap mengadakan interaksi dengan masyarakat seperti mempelawa dan mengajar mereka menunggang kuda supaya persepsi mereka terhadap kuda dapat diubah.

Selain itu, unit ini juga tidak ketinggalan menyertai pertandingan peringkat kebangsaan, antaranya Pertandingan Antara Kelab-kelab Kuda Kebangsaan, Sukan Polo dan Akrobatik Berkuda Seluruh Malaysia (Tatu).

(END)